

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Khamis, 15 Ogos 2019

M/S : 77

Perubatan tradisional Melayu rujuk 4 unsur alam

Kuala Lumpur: Ilmu perubatan tradisional Melayu merujuk tubuh manusia sebagai komposisi empat unsur, iaitu tanah, air, api dan angin.

Justeru setiap unsur mempunyai ciri tersendiri yang berperanan dalam keseimbangan tubuh badan termasuk kesejahteraan peribadi.

Pensyarah Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Ab Razak Ab Karim, berkata setiap unsur punya ciri tertentu seperti tanah merujuk kepada sifat sejuk; air (basah atau lembab); api (panas) dan angin (kering).

"Dalam menentukan kesihatan seseorang, keempat-empat unsur ini perlu seimbang kerana sebarang ketidakseimbangan menyebabkan gangguan kepada organ dalam badan seperti hati, paru-paru, jantung dan limpa.

"Justeru, dalam mengatasi masalah, ia perlu bertitik tolak daripada punca terjadinya gangguan itu," katanya ketika membentangkan 'Keuzuran Lelaki dan Wanita: Masalah dalam Keintiman'.



Dr Ab Razak Ab Karim

Ab Razak berkata, sekiranya penyakit berpuncak daripada unsur api yang bersifat panas, maka anasir air akan digunakan untuk mengekalkan keseimbangan tubuh seseorang.

"Sekiranya penyakit berpuncak daripada unsur angin bersifat kering, anasir air digunakan untuk mengekalkan keseimbangan tubuh.

"Justeru, kaedah perubatan akan membabitkan makanan atau minuman yang mempunyai ciri-ciri panas, sejuk, kering atau basah," katanya.



Sebahagian peserta yang hadir pada Wacana Manusrip Melayu ilmu Perkasan Melayu di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.

[Foto Salhani Ibrahim/BH]

Beliau berkata, ilmu perubatan Melayu yang banyak terkandung dalam kitab tib umumnya banyak menuliskan penyakit lelaki kerana pengarang lazimnya lelaki.

"Penyakit lelaki umumnya berkaitan dengan keuzuran, mengambil kira sudut pandangan agama dan ilmu perubatan semasa.

"Umumnya, sudut pandang agama akan melihat ia sebagai dua ciri, iaitu fizikal dan bukan fizikal. Ciri fizikal berkaitan anggota tubuh, manakala ciri bukan fizikal mengenai jiwa yang duga dikenali sebagai semangat," katanya.

Ab Razak berkata, ilmu perubatan Melayu akan mengesan ketidakseimbangan empat unsur utama yang dikaitkan dengan masalah kesihatan.

"Ilmu Melayu akan melihat dua ciri, iaitu fizikal dan bukan fizikal. Ciri fizikal berkaitan anggota tubuh, manakala ciri bukan fizikal mengenai jiwa yang duga dikenali sebagai semangat," katanya.